

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Sabtu, 16 Disember 2017



Kem Klinik Jawi Semarak Budaya Pengajaran, Pembelajaran Tulisan Jawi

Tarikh kemaskini: 16/12/2017



Datuk Nafisah Ahmad

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Kem Klinik Jawi 2017 yang dianjurkan secara bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dilihat menyemarakkan budaya pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi serta mendidik rakyat Malaysia mencintai tulisan tersebut.

Ketua Pengarah PNM Datuk Nafisah Ahmad berkata kem sehari yang julung kali diadakan itu memberi pendedahan kepada peserta mengenai kaedah ejaan jawi terkini oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

"Kem ini juga memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat mengenali serta mempelajari tulisan jawi sebagai sebuah skrip penulisan yang mudah, indah dan perlu dikuasai semua sebagai warisan masyarakat Melayu yang secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat celik jawi dan al-Quran," katanya.

Nafisah bercakap kepada pemberita pada majlis penutup Kem Klinik Jawi 2017 di sini hari ini.

Kem itu menyaksikan penglibatan pakar rujuk tulisan jawi untuk memberi pendedahan lebih mendalam kepada peserta yang boleh bertanya secara langsung mengenai sebarang kemusykilan.....

Untuk berita penuh sila langgan BERNAMA.com *Xtra* [Klik di sini]